

NOTA MORFOLOGI - CIKGUYUSSEKURAU

<p>KATA NAMA AM *Menamakan orang, tempat, benda atau konsep. Contoh : sekolah, murid, pejabat, guru, perkakasan, lelaki, kerajaan, komputer, alam, cakerawala (benda), roh, udara (perkara), keadilan, kedamaian (konsep), papan, kertas, kasut, dan sebagainya.</p>	<p>KATA NAMA KHAS *Mendukung makna rujukan khusus nama orang, haiwan, benda, institusi, undang-undang, bangsa, bahasa dan lain-lain. *Huruf pertama mesti ditulis dengan huruf besar. Contoh : Parit Buntar, Mahathir, Sang Kancil, Proton Saga, Melayu, India, Seri Perdana, Vanda Diana (Orkid) dan sebagainya.</p>	<p>KATA GANTI NAMA PERTAMA Saya (tunggal) Aku (tunggal) Beta (tunggal) Patik (tunggal) Kami (jamak) Kita (jamak)</p>	<p>KATA GANTI NAMA KEDUA Awak (tunggal) Anda (tunggal) Engkau (tunggal) Kamu (jamak)</p>	<p>KATA GANTI NAMA KETIGA Ia (tunggal) Dia (tunggal) Beliau (tunggal) Nya (tunggal) Mereka (jamak)</p>	<p>KATA GANTI NAMA TANYA Siapa – merujuk orang Mana – merujuk benda/orang Apa-apa – rujukan tak tentu / penegasan Mana-mana – rujukan tak tentu / penegasan Siapa-siapa – rujukan tak tentu / penegasan</p> <hr/> <p>KATA GANTI NAMA TUNJUK *Perkataan yang menjadi pengganti kata nama dan mendukung maksud menunjukkan benda/perkara yang dirujuk Ini – dekat Itu – jauh</p>
<p>KATA KERJA TRANSITIF (ADA OBJEK SEBAGAI PELENGKAP) *Diikuti oleh objek yang terdiri daripada kata nama/frasa nama untuk melengkapkan maksudnya Contoh : KKT Aktif Membaca buku Mencari dana Melancarkan kempen Contoh : KKT Pasif Buku dibaca oleh adik. Dana dicari oleh kerajaan. Kempen dilancar oleh pihak sekolah.</p>	<p>KATA KERJA TAK TRANSITIF (TAK PERLU OBJEK) *Dapat berdiri sendiri, iaitu tidak memerlukan objek atau penyambut Contoh : KKT Berpelengkap (ada pelengkap) Beransur sembuh, Berbuat baik, tinggal kenangan, menjadi realiti Contoh : KKT Tanpa Pelengkap (boleh berdiri sendiri tanpa pelengkap) Pergi, duduk, runtuh, tumbuh, menengis, menyanyi, bersembahyang, tercengang</p>	<p>KATA ADJEKTIF *dikenali sebagai kata sifat yang menerangkan sesuatu keadaan / benda / kata nama Contoh : Sifatan – lemah, baik, gopoh Warna – merah, ungu, biru Bentuk – bulat, buncit, petak Jarak – jauh, hampir, nyaris Perasaan – rindu, suka Ukuran – kecil, nipis, tebal Waktu – baharu, segera Cara – cepat, lincah, selalu Pancaindera – lazat, comel, merdu, wangi, halus, dll</p>	<p>KATA PENEKAN *kata yang memberikan penegasan -sesungguhnya, bahawasanya, nampaknya KATA PEMBENAR *Kata yang menukar perkataan bukan kata nama menjadi kata nama -datangnya, lajunya, sakitnya</p>	<p align="center">KATA TUGAS : KATA PENYAMBUNG AYAT</p>	
				<p>Kata Hubung Gabungan</p>	<p>dan, lalu, malahan, atau, serta, kemudian, tetapi, sambil</p>
				<p>Kata Hubung Pancangan</p>	<p>Kata Hubung Pancangan Relatif - yang</p> <p>Kata Hubung Pancangan Komplemen - bahawa, untuk</p> <p>Kata Hubung Pancangan Keterangan - kerana, agar/supaya, meskipun, kalua, sekiranya, hingga, semoha, jika, untuk, semasa, setelah, sewaktu, tatkala, apabila, walaupun, sungguhpun, kendatipun</p>
<p>KATA PRAKLAUSA : KATA SERU *melahirkan perasaan Contoh : aduh, amboi, celaka, oh, eh, syabas, wahai, aduhai, wah, cis</p>	<p>KATA PRAKLAUSA : KATA TANYA *Untuk menanya atau menyoal sesuatu Contoh : Siapa, berapa, mana, bila, bagaimana, kenapa, mengapa, dll</p>	<p>KATA PRAKLAUSA : KATA PERINTAH *tindak balas terhadap perintah, arahan, silaan, larangan dan permintaan Contoh : jangan, usah, sila, tolong, harap, minta, jemput</p>	<p>KATA PRAKLAUSA : KATA PEMBENAR *mengesahkan sesuatu pernyataan Contoh : ya, benar, betul, sah</p>	<p>KATA PRAKLAUSA : KATA PANGKAL AYAT *kesinambungan ayat dalam wacana Contoh : Hatta, kalakian, maka, sebermula, arakian, alkisah, adapun</p>	<p>KATA PRAFRASA : KATA SENDI NAMA *Perkataan yang terletak depan frasa nama Contoh : di, ke, dari, daripada, kepada, pada, bagi, demi/untuk, tentang, dengan, sejak/semenjak, terhadap, oleh, akan, hingga/sampai, seperti/ bagai/umpama/laksana/bak</p> <hr/> <p>KATA PRAFRASA : KATA PEMERI lalah – tunjukkan persamaan dan hadir di hadapan frasa nama Adalah – tunjukkan huraian dan hadir di hadapan frasa adjektif dan frasa sendi nama</p>

NOTA MORFOLOGI - CIKGUYUSSEKURAU

<p>KATA PRAFRASA : KATA PENGUAT</p> <p>*kata penguat hadapan – terlau, paling, agak, cukup, makin, kurang *kata penguat belakang – sekali, betul, benar, nian *kata penguat bebas – sangat, sungguh, amat</p>	<p>KATA PRAFRASA : KATA PENEGAS</p> <p>*menegaskan frasa predikat / bahagiannya – kah, tah, lah *Penegas yang bersifat bebas – jua, pun, juga, sahaja, lagi, memang, hanya</p>	<p>KATA PRAFRASA : KATA NAFI</p> <p>*bukan – digunakan untuk menafikan frasa nama dan frasa sendi nama *tidak – digunakan untuk menafikan frasa kerja dan frasa</p>	<p>KATA PRAFRASA : KATA BILANGAN</p> <p>*KB Tentu – satu, seratus, seribu, dll *KB Tak Tentu – beberapa, sebahagian, semua, seluruh, segala, segelintir, segenap, sebilangan, sekalian, para dan berbagai-bagai *KB Himpunan – berpuluh-puluh, beratus-ratus *KB Pisahan – masing-masing, setiap, tiap-tiap *KB Pecahan – dua pertiga, satu perempat, setengah KB Tingkat – pertama, kedua, kesepuluh</p>	<p>KATA PRAFRASA : KATA BANTU</p> <p>*Kata Bantu Aspek – telah, sudah, baru, pernah, sedang, masih, akan, mula, belum *Kata Bantu Ragam – hendak, mahu, harus, mesti, boleh, dapat, enggan, patut, mungkin</p>	<p>KATA PRAFRASA : KATA ARAH</p> <p>*menyatakan kedudukan atau hala sesuatu benda</p> <p>Atas Antara Belakang Dalam Depan/hadapan Hilir Hulu Luar Penjuru/sudut Seberang Sisi Tengah</p>
<p>KATA MAJMUK</p> <p>*Bebas : alat tulis, buku latihan, campur aduk, derma kilat, ambil alih *Istilah Khusus : garam mineral, deria bau, bahan api, baja kimia, akar tunjang *Maksud kiasan : anak angkat, gaji buta, otaku dang, isi hati, kepala batu</p>	<p>KATA MAJMUK MANTAP</p> <p>Antarabangsa sukarela Beritahu suruhanjaya Bumiputera tandatangan Jawatankuasa tanggungjawab Kakitangan warganegara Kerjasama pesuruhjaya Olahraga Matahari Setiausaha</p>	<p>KATA GANDA</p> <p>PENUH * keseluruhan kata dasar digandakan – anai-anai, besar-besar, tiba-tiba, makan-makan, mata-mata</p> <p>SEPARA *Sebahagian kata dasar - dedaun, lelaki, sesiku, cinta-mencintai, tolong-menolong</p> <p>BERENTAK *dari segi vokal, konsonan dan bebas * – kuih-muih, sayur-mayur - gunung-ganang, mandi-manda - anak-pinak, saudara-mara</p>	<p>KATA TUNGGAL</p> <p>*bergantung kepada suku kata, termasuk kata akronim</p> <p>Contoh : -satu suku kata – yu, ru, ya -dua suku kata – aku, ada, ubi -tiga suku kata – sekolah, basikal -gabungan huruf awal – LPM, KPM, PJSK -gabungan suku kata – taska, kugiran, purata -empat suku kata- keluarga, selesema -gabungan huruf awal dan/atau sukukata – Perodua, Proton, Petronas</p>	<p>KATA TERBITAN</p> <p>*perkataan berimbuhan</p> <p>Berawalan : -k.nama : pe-, pem-, pen-, peng-, penge-, pel-, per-, pe-, ke-, juru-, maha-, tata-, pra-, sub-, supra-, eka-, dwi- -k.kerja : me-, mem-, men-, meng-, menge-, memper-, ber-, be-, bel-, ter-, di-, diper- -k.adjektif : ter-, te-, se-</p> <p>Berakhiran : -k.nama : -an, -wan, -man, -wati, -isme, -in, -at, -ah</p>	<p>KATA TERBITAN</p> <p>Berapitan : -K.nama : pe-..-an, pem-..-an, pen-..-an, peng-..-an, penge-..-an, per-..-an, pel-..-an, ke-..-an -K.kerja : me-..-kan, men-..-kan, mem-..-kan, meng-..-kan, menge-..-kan, ber-..-kan, ber-..-an, di-..-kan, me-..-i, men-..-i, mem-..-i, meng-..-i, di-..-i, diper-..-kan, diper-..-i, memper-..-kan, memper-..-i, ke-..-an -K.Adjektif : ke-..-an</p> <p>Bersisipan : -K>Nama : -el-, -er- -K.Adjektif : -el-, -er-, -em-, -in-</p>

Soalan Morfologi (Soalan 1, Bahasa Melayu Kertas 2)

- cari dan senaraikan jenis morfologi berdasarkan soalan yang diberikan
- bina ayat berdasarkan perkataan yang dicari